

KUALITI 2024

Majlis
Kemuncak

BULAN INOVASI DAN
KUALITI UiTM 2024



Strategi dan Penambahbaikan Pengurusan Program
Akademik di Institusi Pengajian Tinggi

- Audit Pertimbangan Pematuhan Status Swaakreditasi UiTM
- Solidariti Bantuan Banjir

Laporan *Navigating Panel Expectations : A Comprehensive Webinar on ODL Compliance* anjuran UiTM dan MyQAN



ISI KANDUNGAN

Prakata Penolong Naib Canselor InQKA	1
Nota Ketua Editor	2
Bengkel Aplikasi CANVA (<i>Advance Level</i>)	3-4
Pemantapan KIK UiTM Horizon Baharu 4.0 : Pengukuhan Pakar Rujuk KIK Universiti Teknologi MARA (UiTM) BiL. 1 / 2024	5-6
Sesi Penilaian Pembentangan Akhir Finalis Kecemerlangan Operasi 2023	7-8
Program <i>Corporate Social Responsibility</i> (CSR)	9-10
Taklimat Audit Pertimbangan Pematuhan Status Swaakreditasi UiTM	11
Simposium Kecemerlangan Operasi (OE) 2024	12-13
Laporan Navigating Panel Expectations : <i>A Comprehensive Webinar on ODL Compliance</i> anjuran UiTM dan MyQAN	14-15
Memperkuuh Kualiti Pendidikan Tinggi: Strategi dan Cabaran dalam Audit Akademik	16
Bengkel Latihan Pegawai Kualiti (MLPQ) UiTM : Memperkasa Pengurusan Akreditasi dan Kualiti UiTM	17



ISI KANDUNGAN

Audit Pertimbangan Pematuhan Status Swaakreditasi UiTM	18-19
Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat UiTM	20-21
Taklimat Persediaan Panel Auditor Audit iQMS : Memantapkan Kualiti Penilaian	22
Bengkel Perancangan Strategik InQKA	23-25
Bengkel Pemantapan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)	26-27
Pembentangan Akhir Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC) 2024 Universiti Teknologi MARA	28-29
Mesyuarat Audit Pengauditan Kewangan InQKA 2022-2023	30
Solidariti Bantuan Banjir	31
Bengkel Panel Audit <i>Integrated Quality Management System</i> (iQMS)	32-33
Majlis Kemuncak Bulan Inovasi dan Kualiti UiTM 2024	34-35
Redaksi	36



Bengkel Perancangan Strategik

Disediakan oleh : Cik Noor Farah Zaiti Zaidon

Bengkel Perancangan Strategik InQKA

Pada 2 hingga 4 Oktober 2024, Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) telah menganjurkan bengkel bagi merancang Pelan Strategik InQKA Tahun 2025. Bengkel ini juga bertujuan untuk menyelaras semula Perancangan Strategik InQKA Tahun 2020 – 2024 agar hala tuju InQKA selari dengan visi dan misi Universiti. Selain itu, bengkel ini juga diadakan untuk mereformasi tadbir urus ke arah meningkatkan kecekapan perkhidmatan, merancang keperluan kewangan InQKA dan menambah baik pengurusan kualiti Universiti demi mencapai hasrat Universiti Terkemuka Dunia (*Globally Renowned University, GRU*), UiTM 2025.

Penganjuran Bengkel

Berikut adalah aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan sepanjang bengkel:

- ✓ Merancang aktiviti dan program bagi tahun 2025 berdasarkan Pelan Perancangan Strategik Universiti dan InQKA;
- ✓ Mereformasi dan memantapkan tadbir urus organisasi bagi memastikan operasi serta perkhidmatan yang diberikan lebih efisien dan efektif;
- ✓ Menentukan keperluan kewangan yang relevan untuk memastikan pencapaian aktiviti perancangan strategik, di samping mengutamakan penjimatan kos operasi;
- ✓ Memantapkan pengurusan kualiti Universiti untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan organisasi; dan
- ✓ Membentangkan hasil bengkel dalam Bengkel Perancangan Strategik peringkat Pejabat Naib Canselor untuk pertimbangan selanjutnya.



Kandungan dan Pendekatan

Sepanjang tiga (3) hari bengkel dijalankan, para peserta yang terdiri daripada Penolong Naib Canselor, Pengarah-Pengarah, Ketua-Ketua dan seluruh pasukan InQKA telah terlibat secara aktif dalam setiap sesi perbincangan dan pembentangan.

Bagi memastikan pelan perancangan strategik yang relevan dengan situasi dan ekspektasi semasa serta cabaran dunia empat (4) dimensi iaitu VUCA (*Volatility, Uncertainty, Complexity and Ambiguity*), perbincangan dalam kumpulan mengikut empat (4) unit dalam InQKA telah dilaksanakan bagi menganalisis persekitaran menerusi kaedah Analisis PESTLE iaitu mengenal pasti faktor-faktor luaran dan dalaman yang mempengaruhi pencapaian perancangan strategik seperti Politik (*Political*), Ekonomi (*Economic*), Sosial (*Social*), Teknologi (*Technological*), Perundangan (*Legal*) dan Persekutaran (*Environmental*).

Berdasarkan kepada Analisis PESTLE yang telah dibuat, sesi perbincangan dalam kumpulan kemudiannya dilaksanakan sebagai kaedah pencernaan perancangan strategik menerusi kaedah Analisis SWOT bagi mengenal pasti Kekuatan (*Strength*), Kelemahan (*Weakness*), Peluang (*Opportunity*) dan Ancaman (*Threat*) untuk tujuan pemetaan pelan perancangan strategik yang realistik.



Isu, cabaran dan peluang dalam penambahbaikan pengurusan kualiti juga dibincangkan dalam kumpulan bagi memastikan pengurusan kualiti Universiti yang dinamik dan terkehadapan, selari dengan perkembangan dan keperluan serta cabaran semasa Pendidikan Tinggi. Turut dilaksanakan penyediaan pelan-pelan tindakan berdasarkan kepada matlamat jangka pendek dan jangka panjang yang menuntut pengurusan kualiti yang cekap, efisien dan berimpak tinggi.

Penyediaan laporan akhir telah disediakan dengan menyelaras kesemua hasil perbincangan dalam kumpulan dan dibentangkan kepada Pengurusan InQKA serta dikemukakan kepada pihak Pejabat Naib Canselor untuk dimuktamadkan.



Hasil Pencapaian Bengkel

Pencapaian yang diperoleh daripada penganjuran bengkel ini adalah

- ✓ Hasil Penajaran Semula Perancangan Strategik 2020–2024;
- ✓ Pelan Perancangan Strategik Tahun 2025 yang komprehensif;
- ✓ Senarai keperluan peruntukan kewangan;
- ✓ Cadangan penambahbaikan tadbir urus; dan
- ✓ Cadangan pemantapan pengurusan kualiti Universiti.

Bengkel ini diharapkan dapat menjadi pemacu kepada usaha memperkuuhkan kedudukan InQKA sebagai pusat kecemerlangan dalam pembangunan kualiti dan pengembangan ilmu di UiTM.

REDAKSI



Prof. Dr. Azizah Abdullah
Penasihat



Dr. Wan Hartini Wan Zainodin
Ketua Editor



Norakmar Syatila Zakaria
Editor



Nur Syamimi Eryzahany Abu Mansor
Editor & Pereka Grafik



Fateen Ilani Kamarudin
Editor, Pereka Grafik & Jurugambar

HAK CIPTA DAN PENAFIAN

KUALITI adalah hak milik Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor. Segala informasi adalah benar dan tepat semasa penerbitan. Tiada organisasi atau mana-mana pihak boleh menyalin atau menghasilkan semula kandungan dalam majalah atau mana-mana bahagian dalam penerbitan ini tanpa kebenaran bertulis daripada panel editor dan pengarang.

KUALITI adalah hak milik Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam


2025
KUALITI

e-ISSN: 2976-2596

ALAMAT:

**Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA),
Aras 5, Blok A, Bangunan Akademik 2,
Universiti Teknologi MARA, Jalan Ilmu 1/1,
40450, Shah Alam,
Selangor**

eISSN 2976-2596



9 7 7 2 9 7 6 2 5 9 0 0 3